

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj
[Sungai Siput]

SOALAN : minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kerajaan ingin melaksanakan pencen minima bagi bekas kakitangan Lembaga Padi dan Beras Malaysia yang telah dikorporatkan pada tahun 1994.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Semasa pengkorpratan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) pada tahun 1994, kakitangan mereka telah diberi opsyen sama ada menyertai PadiBeras Nasional (BERNAS) atau berkhidmat dengan Kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Bagi mereka yang memilih berkhidmat dengan BERNAS, satu terma dan syarat pekerjaan baharu telah diperkenalkan termasuk memberhentikan caruman skim pencen dan mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Manakala bagi yang meneruskan perkhidmatan dengan kerajaan, mereka layak untuk menerima pencen minimum Kerajaan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Akta Pencen 1980.